# Hospital pintar 2020

## *Hospital Pengajar UniSZA bakal jadi model terbaik yang turut dirancang*

**NURUL HUDA HUSAIN**

**KUALA NERUS**

Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bakal dijadikan model terbaik bagi hospital pintar berasaskan teknologi dalam negara apabila ia siap sepenuhnya pada tahun 2020 nanti.

Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi A Latif berkata, perbincangan dengan beberapa pihak berkaitan termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga sedang rancak diadakan.

Katanya lagi, ketika ini pembinaan projek bernilai RM600 juta yang bermula sejak Mac 2016 itu telah mencapai tahap 25 peratus siap.

"Kita juga turut berbincang dengan Kementerian Kerja Raya untuk sama-sama jadikan hospital pengajar (UniSZA) ini sebagai salah satu model terbaik yang akan dilaksanakan.

"Malah, kita juga rancang untuk bina hospital pintar berasaskan teknologi dalam negara sendiri.

"Buat masa ini, kita sedang bincang dengan rakan kongsi untuk memastikan ia terlaksana seperti mana yang dirancang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Staf di Dewan Al-Muktafi Billah Shah UniSZA Kampus Gong Badak, di sini, semalam.

Hadir sama, Pro Canselor UniSZA, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor.




**Zubaidi (dua, kiri) mengiringi Mohd Yusof (tiga, kiri) menyampaikan anugerah kepada salah seorang penerima pada majlis itu.**

Dalam pada itu, Ahmad Zubaidi turut menafikan hospital pengajar itu dikategorikan sebagai projek sakit, sebaliknya kelewatan yang berlaku melibatkan masalah teknikal sebelum projek itu berjalan.

"Kelewatan itu bermula sebelum projek itu dilaksanakan, jadi dakwaan bahawa hospital ini mengalami masalah ketika dalam pembinaan tidak tepat," katanya.

Jelasnya, pada masa ini kerja-kerja pembinaan hospital setinggi enam tingkat di tapak seluas 12 hektar itu berjalan dengan baik dan perbincangan dengan pihak kontraktor sentiasa diadakan.

SINAR HARIAN
19 JULAI 2018